

Pelajar Kejuruteraan Awam UMS anjur Ceramah Pengurusan Integriti

NST 25-11-16 10

KOTA KINABALU: Kira-kira 130 pelajar Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghadiri ceramah berkaitan pengurusan integriti bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), baru-baru ini.

Program bertemakan 'Jurutera Berintegriti Modal Insan Berkualiti' yang dianjurkan oleh pelajar tahun dua program Kejuruteraan Awam itu berlangsung di Dewan Kuliah Pusat ke-2 UMS.

Menurut Pengarah Program, Haikall, penganjuran ceramah tersebut bertujuan menerapkan nilai integriti dan amanah dalam diri pelajar demi melahirkan mahasiswa yang bebas dari sebarang bentuk gelaja rasuah.

"Tidak ramai dalam kalangan mahasiswa yang mengetahui intipati sebenar integriti itu sendiri. Justeru kami terpanggil untuk mengadakan program ini supaya para mahasiswa mendapat pendedahan yang nyata tentang kepentingan integriti yang mampu membentuk mahasiswa yang bukan sahaja berintelektual tinggi, malah mempunyai penghayatan yang jitu dalam usaha membentuk bakal pemimpin yang telus dalam melaksanakan tugas mereka" katanya.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Penolong Kanan Penguasa, Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Cawangan Kota Kinabalu, Mohd Zaini Hassan.

Sementara itu, pensyarah program Kejuruteraan Awam, Asmawan Mohd Sarman, penganjuran program tersebut merupakan platform asas penerapan budaya integriti kepada siswa siswi kejuruteraan.

"Ia selaras dengan falsafah universiti untuk membina masyarakat terpelajar yang progresif, berdisiplin, bersepadu dan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani untuk berbakti mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara," ujarinya.